

09 JUL 1996

LIMA '97 TERIMA TEMPAHAN

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Lebih 50 syarikat dari 40 negara mengesahkan untuk menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1997 (LIMA '97), kata Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd Datuk Mohd. Radzi Manan.

Le Proton Lima Sdn Bhd, pengelola pameran dua tahunan itu di Langkawi, menjangka sehingga 40 buah syarikat lagi akan mengesahkan penyertaan sehingga akhir tahun ini, katanya pada majlis mengumumkan perlantikan Global Holidays Sdn Bhd sebagai agen pelancongan rasmi untuk LIMA '97 dan Pameran Teknologi dan Sokongan Daratan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi 1996 (AIRPORTEX '96).

Pameran empat hari AIRPORTEX '96, bermula 25 Julai di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. LIMA '97 pula akan berlangsung pada 2-7 Dis.

Agen pelancongan itu bertanggungjawab menyediakan tempat penginapan dan perjalanan para peserta dan pegawai kedua-dua acara antarabangsa itu.

Mohd Radzi yakin bahawa LIMA '97, kali keempat diadakan sejak 1990, akan menyaksikan penyertaan dan barang pameran lebih besar memandangkan program dan maklumat acara itu dihubungkan menerusi Internet.

Le Proton melancarkan tettingkapnya sendiri bulan lepas.

-- BERNAMA

SJA AHH